

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

KKM siasat aduan kain seragam jururawat tidak berkualiti



Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menyiasat aduan jururawat mengenai kualiti kain kurang baik dibekalkan sebuah syarikat pembekal pakaian seragam jururawat yang menerima kontrak pembekalan bernilai lebih RM98.3 juta.

Menerusi kerjapapan balis kepada Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng yang dilihat *BH*, semalam, KKM menjelaskan sudah menghantar sampel kain yang ditatakan tidak mematuhi spesifikasi kepada Jabatan Kimia untuk dianalisis.

KKM menjelaskan, jika beka-

lan pakaian seragam iaitu kain yang diterima didapati tidak mematuhi spesifikasi, syarikat terbabit boleh dikenakan tindakan selaras kontrak yang sedang berkuat kuasa.

"Sekiranya terdapat aduan dari mana-mana jabatan berkaitan pembekalan kain daripada pihak syarikat yang kurang berkualiti, sampel kain yang diterima akan dihantar untuk pelaksanaan analisis kimia oleh Jabatan Kimia.

"Susulan keputusan analisis yang dikeluarkan Jabatan Kimia, KKM telah mengemukakan surat kepada pihak syarikat bagi

mendapatkan maklum balas.

"Selaras dengan itu, pihak syarikat mengemukakan sampel kain kepada SIRIM untuk pengesahan spesifikasi dan sebarang maklum balas akan ditembakkan kepada KKM terluhluang perkara ini," jelas Kementerian itu.

Menurut KKM, perjanjian dimeterai pihaknya dan syarikat terbabit pada 7 November tahun lalu.

KKM berkata, kontrak pembekalan pakaian seragam lepasan angkas yang layak di KKM dilaksanakan berdasarkan proses perolehan tender yang turut meliputi penetapan spesifikasi

kain oleh jawatankuasa dianggotai oleh beberapa wakil skim perjawatan.

Pada 28 Oktober lalu, *BH* melaporkan Kesatuan Jururawat Malaya (MNU) mengakui menerima maklum balas mengenai kain yang dibekalkan untuk pakaian seragam jururawat sedikit ketika selesai dipakai ketika bekerja.

Perkara itu dimaklumkan Presidenanya, Saaidah Athman, namun tidak mengulas perkara itu, termasuk berhubung dakwaan kain dibekalkan untuk pakaian seragam jururawat menyamai kain kafan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

Seks bebas punca remaja hidap HIV meningkat

**Meor
Hafidza
Hendin
Kampung
Kota Tampan
Atr, Lenggong**

Kadar peningkatan jangkitan HIV dalam kalangan remaja khususnya pelajar universiti semakin membimbangkan. Kebanyakan mereka menghidap penyakit ini dalam lingkungan umur 18 hingga 25 tahun.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata sebanyak 214 kes membabitkan pelajar universiti awam dan swasta dilaporkan menghidap penyakit HIV pada 2020, manakala 186 kes (2021), 221 kes (2022) dan 244 kes bagi 2023.

Baru-baru ini kerajaan mereliti cadangan memajukan had umur serangan HIV daripada usia 18 tahun kepada 16 tahun. Menurut Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukmanman Awang Sami, Kementerian Kesihatan (KKM) bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang mempertimbangkan cadangan ini.

Terdapat pelbagai faktor mencecew remaja pada masa kini lebih terdedah HIV antaranya amalan seks bebas. Menurut laporan Institut Kesihatan Umum (IKU), KKM mengesan lebih 154,000 remaja berumur antara 13 hingga 17 tahun terabit dengan

aktiviti seksual.

Tanpa pemahaman mendasar, remaja akan menganggap HIV ini tidak bahaya, sehingga mereka menghidapnya. Selain itu, atas faktor kekurangan wang terdapat juga remaja sanggup menwarkan aktiviti seks kepada orang ramai atau lebih dikenali dengan panggilan 'Money Boy' untuk memperoleh wang dengan cara mudah bagi menampung perbelanjaan harian.

Merelakan umur seruan

Kebanyakan remaja ini tidak terdedah dengan cara jangkitan HIV ini. Oleh sebab itu mereka tidak menghiraukan sebarang bentuk aktiviti berisiko tinggi seperti HIV dijangkiti melalui hubungan seksual apabila salah satu pasangan memiliki virus berkenaan terutama dalam situasi tanpa perlindungan.

Kadar jangkitan HIV tinggi dal am kalangan remaja harus dipandang serius semua pihak. Hal ini sangat membimbangkan kerana ia bukan sahaja akan merusakan kualiti hidup mereka, tetapi memberi cabaran besar kepada ekonomi, sosial dan kestabilan masyarakat.

KKM dilaporkan giat meneruskan Pre-Exposure

Prophylaxis (PrEP), uhat pencegahan ditawarkan kepada individu lebih tertedah pada risiko lebih besar dijangkiti HIV.

Kajian membuktikan PrEP dapat mengurangkan risiko penularan virus HIV/AIDS hampir 99 peratus daripada aktiviti seks dan lebih daripada 74 peratus daripada suntikan jarum ataupun dadah.

Tanpa pemahaman mencukupi bagi mereka yang menghidap HIV akan sering berasa dipinggirkan kerana beranggapan penyakit ini tidak mempunyai rawatan yang mampu mengawalinya daripada terus merbak.

Namun kini ada rawatan antiretroviral (ART), satu rawatan sepagang hayat yang dapat secara efektif mengawal virus ini. Ubat ini boleh mencegah penularan virus HIV daripada pasangan seksual dijangkiti kepada pasangan tidak dijangkiti.

Hal ini secara tidak langsung akan memberi harapan kepada penghidap HIV untuk meneruskan kehidupan seperti orang normal. Oleh itu, kita harus mesti memulakan percubaan berdasarkan bahaya virus HIV ini kepada remaja supaya mereka tidak terabit gejala sosial ini sehingga memberi impak terhadap kesihatan mereka.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 32
RUANGAN : ZON SIHAT

Nikotin dalam vape beri kesan pada sel otak remaja

Cecair rokok elektronik hasilkan bahan bebaskan formaldehide sebabkan kanser

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
hazira@bh.com.my

Kota Bharu: Rokok elektronik atau lebih dikenali sebagai vape sering dianggap sebagai alternatif kepada kaedah merokok tradisional, walau bagaimanapun ia menimbulkan pelbagai kesan buruk kepada kesihatan terutama jika digunakan oleh golongan muda.

Menurut Pakar Perubatan Keluarga yang juga Penyelaras Klinik Berhenti Merokok - Klinik Bawatan Keluarga, Hospital Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Nur Suhaila Idris, vape mengandungi nikotin sama seperti rokok yang sudah terbukti menyebabkan ketagihan serta penyempitan salur darah, pemebeusan darah dan seterusnya berisiko mengakibatkan penyakit jantung dan strok.

Katanya, golongan remaja mudah terjejak dengan penggunaan vape disebabkan rasa ingin mencuba sehingga ketagih dan sukar untuk berhenti.

"Nikotin dalam vape memberi kesan neurotoksik pada sel otak remaja yang sedang berkembang kerana pada peringkat awal remaja, neurokognitif dan fungsi eksekutif otak belum matang sepenuhnya.

"Selain itu, pemsanan bahan kimia lain dalam cecair vape seperti propylene glycol akan menghasilkkan bahan yang membebaskan formaldehide yang boleh menyebabkan kanser," katanya.

Beliau berkata, penyakit baharu yang dikesan dalam kalangan pengguna vape ialah kerosakan paru-paru atau dikenali sebagai penyakit E-cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI) dengan simptom demam, batuk, sesak nafas dan telah yang sukar didiagnosis.

"Ia mula dikesan di Amerika Syarikat pada tahun 2019 apabila

sejumlah pengguna vape mengalami kecederaan dan kerosakan paru-paru dan menyebabkan pergantungan kepada mesin pernafasan dengan 68 kematian dilaporkan sehingga kini," katanya.

Merokok alat baharu
Tambahnya, vape adalah produk merokok alaf baharu yang kompone utamanya terdiri daripada bateri, katrij cecair vape serta atomizer untuk memanaskan cecair.

"Alat ini berfungsi dengan memanaskan cecair dikenali sebagai e-juice atau e-liquid yang kemudiannya menghasilkkan wap atau aerosol yang disedut masuk ke dalam salur pernafasan dan paru-paru sebelum sebahagiannya diembus keluar oleh pengguna.

"Cecair ini biasanya mengandungi nikotin, perisa (flavor) ditambah dengan bahan-bahan lain seperti propylene glycol dan glycerin," katanya.

Ketika ditanya adakah vape merupakan gateway untuk remaja memulakan tabiat merokok, Dr Nur Suhaila berkata, tanggapan itu benar disebabkan bahan utama dalam cecair vape ialah nikotin yang menyebabkan ketagihan.

Katanya, ia terbukti daripada Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) - Kajian Kesihatan Remaja tahun 2022 yang menunjukkan prevalens penggunaan vape dalam kalangan remaja dan lebih membimbangkan lagi peningkatan yang kesara turut berlaku dalam kalangan remaja perempuan.

"Malah, kajian juga membuktikan bahawa mereka yang menghisap vape boleh menjadi dual user.

"Bagi mereka yang tidak pernah merokok, mereka hanya ingin mencuba dengan menghisap vape.

"Namun, nikotin dalam cecair vape akan menyebabkan ketagihan dan lama kelamaan akan mendorong

mereka menghisap rokok konvensional seterusnya menjadi dual user. Ini termasuklah juga mereka yang cuba menjadikannya alternatif kepada rokok konvensional.

"Hal ini secara tidak langsung akan meningkatkan risiko ke atas kesihatan mereka selain turut membuka ruang kepada ketagihan dadah yang lain sebagaimana dilaporkan terutamanya melalui vape yang berkonsep sistem terbuka," katanya.

Pelbagai kaedah rawatan disediakan
Katanya lagi, terdapat beberapa cara untuk berhenti menghisap vape atau rokok dan yang paling penting adalah tekad serta istiqamah untuk melaksanakannya.

"Mulakan dengan memberitahu keluarga atau rakan-rakan mengenai keinginan untuk berhenti menghisap vape atau rokok serta dapatkan sokongan mereka.

"Pada masa sama, kurangkan kekerapan menghisap vape dan buang peranti vape atau elakkan membeli stok vape yang baharu selain mendapatkan khidmat nasihat atau jangi benu di Klinik Berhenti Merokok di fasiliti kerajaan atau swasta atau layari laman sesawang jomquit.com atau akses melalui MySejahtera," katanya.

Beliau berkata, orang ramai juga boleh mendapatkan rawatan di Klinik Berhenti Merokok - Klinik Rawatan Keluarga Hospital USM.

"Pelbagai kaedah rawatan disediakan seperti terapi farmakologi dan terapi kaunseling modifikasi tingkah laku berdasarkan kepada penilaian tahap kesediaan

berhenti merokok, sejarah menghisap vape atau rokok dan tahap ketagihan.

"Sokongan keluarga, rakan-rakan dan persokitan turut memainkan peranan penting dalam usaha membantu penghisap vape untuk terus berhenti," katanya.

Katanya, semua pihak perlu memainkan peranan dan memikul tanggungjawab bersama kerana pencegahan adalah solusi terbaik daripada terus membiarkan golongan remaja terpengaruh dengan penyalahgunaan vape.

"Jauhkan mereka daripada terpedaya dengan pengaruh industri tembakau dengan meningkatkan ilmu dan dapatkan info daripada sumber yang tepat.

"Golongan remaja juga perlu berani dan tegas menolak ajakan merokok atau menghisap vape demi kesejahteraan diri dan gunakan masa yang terluang dengan melakukan aktiviti-aktiviti berfaedah seperti berukon, kesukarelawanan dan banyak lagi," katanya.

Katanya, selain itu, ibu bapa dan guru juga perlu lebih cakna dengan perkembangan terkini untuk membantu mengawal tingkah laku anak terutama remaja dan menjadi 'role model' kepada mereka dengan tidak merokok.

"Segera bertindak membawa anak mendapatkan bantuan kaunseling atau rawatan di klinik kesihatan solidarnya anak terjejak dengan penggunaan vape," katanya turut berharap penguatkuasaan undang-undang kawalan produk merokok lebih ketat disegerakan kerajaan.



“Nikotin dalam vape memberi kesan neurotoksik pada sel otak remaja yang sedang berkembang kerana pada peringkat awal remaja, neurokognitif dan fungsi eksekutif otak belum matang sepenuhnya.”
Dr Nur Suhaila Idris

mereka yang menghisap vape boleh menjadi dual user.

"Bagi mereka yang tidak pernah merokok, mereka hanya ingin mencuba dengan menghisap vape.

"Namun, nikotin dalam cecair vape akan menyebabkan ketagihan dan lama kelamaan akan mendorong

berhenti merokok, sejarah menghisap vape atau rokok dan tahap ketagihan.

"Sokongan keluarga, rakan-rakan dan persokitan turut memainkan peranan penting dalam usaha membantu penghisap vape untuk terus berhenti," katanya.

Katanya, semua pihak perlu memainkan peranan dan memikul tanggungjawab bersama kerana pencegahan adalah solusi terbaik daripada terus membiarkan golongan remaja terpengaruh dengan penyalahgunaan vape.

"Jauhkan mereka daripada terpedaya dengan pengaruh industri tembakau dengan meningkatkan ilmu dan dapatkan info daripada sumber yang tepat.

"Golongan remaja juga perlu berani dan tegas menolak ajakan merokok atau menghisap vape demi kesejahteraan diri dan gunakan masa yang terluang dengan melakukan aktiviti-aktiviti berfaedah seperti berukon, kesukarelawanan dan banyak lagi," katanya.

Katanya, selain itu, ibu bapa dan guru juga perlu lebih cakna dengan perkembangan terkini untuk membantu mengawal tingkah laku anak terutama remaja dan menjadi 'role model' kepada mereka dengan tidak merokok.

"Segera bertindak membawa anak mendapatkan bantuan kaunseling atau rawatan di klinik kesihatan solidarnya anak terjejak dengan penggunaan vape," katanya turut berharap penguatkuasaan undang-undang kawalan produk merokok lebih ketat disegerakan kerajaan.



Seperti rokok, nikotin dalam cecair vape turut mampu menyebabkan ketagihan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA

RM2 juta naik taraf tiga klinik kesihatan uzur di Johor

JOHOR BAHRU – Sebanyak RM2 juta diperuntukkan kerajaan negeri bagi menaik taraf tiga buah Klinik Kesihatan (KK) yang uzur serta peralatan keperluan di klinik tersebut.

Tiga klinik berkenaan ialah Klinik Kesihatan (KK) Gelang Patah, KK Majidee dan KK Tebrau.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, peruntukan itu bagi menggantikan peralatan seperti mesin ultrasound, pendingin hawa, kerusi di ruang menunggu, kipas dinding, komputer termasuk mesin pencetak, ambulans serta meja, kerosal untuk doktor dan jururawat.

"Selain lawatan saya ke Klinik Kesihatan (KK) Gelang Patah, satu perjumpaan diadakan bagi membincangkan isu klinik kesihatan yang daif dan seak di Johor iaitu KK Gelang Patah, KK Majidee, KK Tebrau dan KK Kulai.

"Dalam perjumpaan ini, kami membincangkan pelbagai isu dan mencadangkan penyelesaian secara berfasa untuk menangani



ONN HAFIZ mengadakan lawatan mengejut di KK Gelang Patah, Iskandar Puteri bulan lalu.

masalah tersebut," katanya.

Onn Hafiz berkata, bagi penyelesaian jangka masa sederhana, sebanyak RM1 juta diperuntuk-

kan untuk memindahkan perkhidmatan Klinik Ibu dan Anak KK Gelang Patah ke premis lain bagi menampung kepadatan

penduduk di kawasan tersebut. Tambahnya, sebanyak RM1 juta juga diperuntukkan oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

“

Dalam perjumpaan ini, kami membincangkan pelbagai isu dan mencadangkan penyelesaian secara berfasa untuk menangani masalah tersebut.”

ONN HAFIZ

(MBIP) untuk kemudahan tempat letak kereta orang awam di KK Gelang Patah.

Katanya, langkah penyelesaian jangka masa panjang yang akan diambil melibatkan pembinaan KK Gelang Patah, KK Majidee dan KK Kulai yang baharu akan dimulakan setelah mengenal pasti tapak tanah sesuai.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

TELUK & TELUK • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar Harian

Ubat tradisional, kosmetik bernilai RM10.1j dirampas

Dua premis diserbu, lebih 70,000 kotak berisi produk berkenaan dirampas

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
GEORGE TOWN

Jabatan Kesihatan Pulau Pinang melalui Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) merampas 70,000 kotak produk tradisional tidak berdaftar dan 70 kotak kosmetik tidak bernoifikasi bernilai RM10.1 juta.

Pengarah Kesihatan Pulau Pinang, Dr Fazilah Shaik Allaudin berkata, rampasan dibuat melalui Ops Joint yang turut mendapat kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 4 November lalu.

Menurutnya, hasil risikan dan maklumat diterima, pihaknya menyerbu dua buah premis di sekitar Jelutong bagi mengambil tindakan ke atas penjualan produk tradisional tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernoifikasi secara dalam talian.

"Dalam serbuan itu kita merampas hampir 70,000 kotak produk tradisional tidak berdaftar dan lebih 70 kotak kosmetik tidak bernoifikasi di dalam premis terbabit.

"Operasi yang dijalankan ini membuktikan Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa mengambil serius terhadap aduan awam bagi membanteras penjualan produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernoifikasi termasuk penjualan secara dalam talian yang telah menjadi trend pada masa kini," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Dr Fazilah berkata, pengguna dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan iklan atau testimoni di laman sesawang, platform media sosial serta aplikasi e-dagang dengan tuntutan perubatan yang tidak munasabah.

Jelasnya, penjualan produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernoifikasi adalah melanggar Peraturan 7(1)(a) dan 18A(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1964 yang boleh di hukum di bawah Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952.

Katanya, sabit kesalahan mereka yang terlibat boleh didenda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya.

Antara produk tradisional dan kosmetik tidak berdaftar yang dirampas dalam Ops Joint di Jelutong pada 4 November lalu.

Mahkamah & Jenayah



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

